

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 09 Tahun 2022

PEKELILING PELAKSANAAN PENGANJURAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf universiti berkenaan pelaksanaan penganjuran Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan Majlis Ikrar Bebas Rasuah di UiTM telah bermula sejak 09 Jun 2017 yang lalu, di mana ianya dimulakan dengan semua Ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bersama Pengurusan Kanan Universiti yang disaksikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

3. Inisiatif penganjuran majlis ini telah diteruskan di peringkat kolej pengajian, fakulti dan UiTM cawangan bersama Unit Integriti yang bertindak sebagai pemudah cara antara penganjur dan pihak SPRM. Penganjuran majlis ini juga mempamerkan komitmen berterusan UiTM dalam pencegahan gejala rasuah dan isu salah guna kedudukan dan merupakan kesinambungan kepada Pekeliling Naib Canselor bil. 06 / 2016 yang menekankan tentang kewajipan staf untuk melaporkan kepada Unit Integriti dan SPRM tentang sebarang transaksi penyogokan yang mungkin berlaku di UiTM.

4. Bagi proses penganjuran majlis sebegini dilaksanakan menurut kepada prosedur dan teratur, MEU melalui mesyuarat bil. 19 / 2022 bertarikh 22 Jun 2022 telah meluluskan kaedah pelaksanaan Majlis Ikrar Bebas Rasuah di UiTM.

5. Pengurusan Kanan Universiti telah mula mengamalkan kaedah pelaksanaan yang diluluskan ini melalui Majlis Ikrar Bebas Rasuah Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan UiTM yang telah diadakan pada 20 Julai 2022 dan disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.

PELAKSANAAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

6. Pelaksanaan Majlis Ikrar Bebas Rasuah adalah terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu:

6.1 Peringkat Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan

6.1.1 Penganjuran program dilaksanakan oleh Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Unit Integriti.

6.1.2 Lafaz ikrar disaksikan oleh pihak SPRM (Ibu Pejabat atau Cawangan).

6.1.3 Salinan dokumen ikrar yang telah ditandatangani perlu dimajukan ke [1] Pejabat Pendaftar (fail peribadi); [2] Unit Integriti dan [3] simpanan peribadi staf yang berkenaan.

6.2 Peringkat Kolej Pengajian / Fakulti / UiTM Cawangan / Jabatan / Pusat / Bahagian / Unit

6.2.1 Penganjuran program dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan kerjasama Unit Integriti.

6.2.2 Lafaz ikrar disaksikan oleh pihak SPRM (Ibu Pejabat atau Cawangan).

6.2.3 Salinan dokumen ikrar yang telah ditandatangani perlu dimajukan ke [1] Pejabat Pendaftar (fail peribadi); [2] Unit Integriti dan [3] simpanan peribadi staf yang berkenaan.

7. Penganjuran majlis ini hanya akan dilakukan apabila berlakunya situasi tertentu seperti berikut:

- 7.1 Berlakunya pertukaran ketua PTJ.
- 7.2 Berlakunya penggabungan PTJ melibatkan gabungan beberapa PTJ menjadi satu PTJ yang baharu.
- 7.3 Atas syor atau cadangan daripada Naib Canselor.

8. Bagi PTJ yang menerima staf yang baharu mula bekerja, staf berkenaan boleh melaksanakan ikrar dan menandatangani borang Ikrar Bebas Rasuah di hadapan Ketua PTJ dengan kehadiran Ketua Pentadbir. Salinan dokumen ikrar yang telah ditandatangani perlu dimajukan ke [1] Pejabat Pendaftar (fail peribadi); [2] Unit Integriti dan [3] simpanan peribadi staf yang berkenaan.

9. Proses ikrar dan pengisian dan tandatangan borang Ikrar Bebas Rasuah hanya perlu dilakukan oleh staf sekali sahaja sepanjang perkhidmatan. Namun, ianya boleh dilaksanakan berdasarkan keperluan PTJ dan atas arahan dari semasa ke semasa.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling dikeluarkan pada 09 Ogos 2022.

TARIKH KUAT KUASA


11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **09 Ogos 2022**.

PEMAKAIAN

12. Pekeliling ini adalah terpakai bagi semua staf Universiti Teknologi MARA.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(PROFESOR DATUK IKS DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR)
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-UInt.(6/2)

No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 9/2022